

25 JUN 2002

Khalil-Kenyataan

KENYATAAN MAJLIS TERTINGGI UMNO MENGENAI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Berikut kenyataan Majlis Tertinggi UMNO yang dibacakan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob pada persidangan media selepas mesyuarat khas majlis itu di sini hari ini:

"Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi Umno yang diadakan hari ini adalah untuk menerima laporan hasil pertemuan di antara YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno yang telah diberi mandat untuk berjumpa dengan YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno yang telah diadakan pada 22 Jun 2002 jam 8 malam. Pertemuan tersebut telah diadakan pada 23 Jun 2002 jam 9 pagi di Seri Perdana di Putrajaya.

"Setelah Majlis Tertinggi Umno mendengar laporan dari Jawatankuasa Pengurusan dan berbincang mengenai perkara tersebut, maka Majlis Tertinggi mengambil maklum perkara-perkara tersebut seperti berikut:

"1. Majlis Tertinggi Umno menerima dan mengesahkan laporan Jawatankuasa Pengurusan di mana YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghargai kepercayaan ahli-ahli Umno dan rakyat agar beliau terus menerajui kepimpinan parti dan negara. Walau bagaimanapun YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memutuskan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan.

"2. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau. Dan Majlis Tertinggi memberi sokongan sebulat suara tentang keputusan itu.

"3. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan peletakan jawatan beliau akan berlaku selepas Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

"4. Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memegang semua jawatan beliau dalam

Umno,

Barisan Nasional dan Kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

"5. Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil cuti selama dua bulan, di mana YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dilantik sebagai Pemangku Presiden Umno dan Pemangku Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi juga akan memangku jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada bila-bila masa yang lain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil cuti dalam tempoh masa tersebut.

"6. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan bahawa masa peletakan jawatan sepertimana yang ditetapkan adalah untuk membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas secara teratur dan juga untuk memenuhi tanggungjawab yang beliau merasakan perlu dipenuhi, seperti persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali pada 24 dan 25 Februari 2003 dan juga Persidangan Kemuncak OIC.

"7. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menjelaskan bahawa selepas peletakan jawatan dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan, beliau akan terus menyumbang tenaga dan pandangan untuk kemajuan parti Umno.

"8. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghendaki semua ahli Umno sentiasa bekerjasama dan mengukuhkan parti untuk kejayaan perjuangan Umno.

"Maka dengan itu, Majlis Tertinggi Umno menghormati dan menerima hasrat YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepertimana yang dinyatakan di atas.

"Majlis Tertinggi Umno juga menyeru kepada ahli-ahli parti untuk menghormati hasrat yang telah disampaikan oleh YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ahli-ahli parti pada waktu ini perlulah bersatu, bersama-sama mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi cabaran meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara."

-- BERNAMA

MUN RYN NMO